

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**SOALAN**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menyeragamkan upacara pengebumian jenazah kaum India mengikut adat di seluruh Malaysia. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyeragamkan upacara tersebut agar lebih profesional. Saya mencadangkan kepada pihak Kementerian untuk mengadakan satu kursus pelesenan dan sijil yang diiktiraf untuk mengendalikan upacara keagamaan.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, upacara pengebumian jenazah kaum India di seluruh Malaysia adalah berbeza-beza serta mengikut adat dan agama berdasarkan kepada individu yang berkaitan. Sehingga kini, tiada mekanisme penyeragaman berkaitan upacara pengebumian jenazah masyarakat India di seluruh negara yang dilakukan atas dasar menghormati kepercayaan, adat dan agama individual.

Berkaitan cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan kursus pelesenan dan sijil yang diiktiraf bagi mengendalikan upacara keagamaan, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)

## **NO SOALAN : 148**

sedang dalam perancangan untuk melaksanakan program kerjasama dengan beberapa persatuan dan pertubuhan penguburan Hindu di Malaysia, sebagai contohnya di Melaka, Johor dan Negeri Sembilan bagi mengadakan program-program dan latihan khas berkaitan pengurusan jenazah Hindu.

Inisiatif ini dijangka untuk disebar luas ke negeri-negeri lain di Malaysia bagi memberikan pendedahan kepada pihak-pihak yang berkaitan mengenai pengurusan jenazah India secara sistematik dan teratur.

Sekian, terima kasih.